

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis
DARIPADA : Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]
SOALAN : Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam isu kuota penanaman pertanian bagi memastikan masalah berlebihan bekalan komoditi pertanian agar tidak berlaku seperti isu tanaman tomato lebihan di Cameron Highlands yang merugikan para petani.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tidak menetapkan kuota penanaman ke atas komoditi makanan seperti sayur-sayuran dan buah-buahan. Petani boleh mengeluarkan apa sahaja yang boleh dipasarkan mengikut kehendak pasaran.

Walau bagaimanapun, antara perancangan yang telah dibuat oleh pihak Kementerian melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dalam menangani masalah lebihan bekalan adalah seperti berikut:

- i) melaksanakan Peraturan Pendaftaran Orang-Orang Yang Terlibat Dalam Pemasaran Hasil Pertanian di mana data pengeluar diperlukan untuk mengetahui keadaan bekalan semasa. Keghairahan pengeluar di Cameron Highlands dan Lojing untuk terlibat dalam pengeluaran tomato secara fertigasi telah meningkatkan pengeluaran. FAMA juga boleh memainkan peranan untuk memberi khidmat nasihat pemasaran jika

- maklumat pengeluaran sebenar ada dalam sistem pengawasan supaya ia boleh dipadankan dengan penggunaan perkapita;
- ii) mengumpul semua maklumat penggunaan, eksport dan import dan *early warning system* boleh diberikan kepada pengeluar tomato tentang *trend* pasaran masa depan; dan
- iii) mengkaji sistem pemberongan di Malaysia melalui Regulatory Impact Analysis (RIA) supaya dapat dikenalpasti *option* atau kaedah dan peraturan yang sesuai untuk pasaran Malaysia. Berdasarkan pengalaman dari pasar borong di Korea dan Jepun, kuantiti metrik tan yang perlu dibekalkan untuk minggu-minggu berikutnya telah dimaklumkan kepada pengeluar supaya tidak ada lambakan bekalan di pasar borong;

Di samping itu juga, pada masa lambakan tomato yang lepas, FAMA telah membuat belian tomato daripada petani-petani di Cameron Highlands sebanyak 500MT bagi membantu petani daripada mengalami kerugian.

FAMA telah membeli tomato pada harga RM0.80 sekilogram walaupun harga pasaran pada waktu itu hanya RM0.60 sekilogram di peringkat ladang bagi membantu menstabilkan semula harga pasaran tomato. Langkah ini adalah penting bagi mengelakkan harga tomato terus merundum dan menjelaskan pendapatan petani-petani kecil yang bergantung kepada hasil pertanian tersebut.

Dalam masa yang sama, petani-petani juga digalakkan memasarkan hasil pengeluaran mereka di pasar-pasar tani seluruh negara. Ini bagi menambah lagi luang pasaran kepada hasil pengeluaran mereka.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
SOALAN BUKAN LISAN

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]

SOALAN:

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah bajet untuk mendalamkan dasar sungai terutamanya di kawasan rendah dan bandar serta tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah banjir akibat penggunaan penyaringan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sampah sarap yang tersumbat pada penyaringan dalam sistem saliran dalaman perbandaran (*internal urban drainage system*) termasuk parit dan longkang perlu dibersihkan bagi mengelakkan banjir kilat.

Sejajar dengan tanggungjawab menyedia, membina, mengoperasi dan menyelenggara sistem saliran dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah di bawah tanggungjawab PBT yang berkenaan, bersesuaian dengan Seksyen 50, Akta 133.

Oleh yang demikian, bajet dan tindakan mengoperasi, menyelenggara dan memulihara sistem saliran hendaklah diusahakan oleh PBT/Kerajaan Negeri masing-masing sebagai bajet tahunannya.

Walau bagaimanapun, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS), sentiasa memberi kerjasama untuk memberikan khidmat nasihat dalam mencari kaedah penyelesaian bagi mengatasi masalah banjir kilat yang dihadapi di kawasan Alor Gajah.

SOALAN (93)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP
[SEKIJANG]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP [SEKIJANG] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan penubuhan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) dapat membantu Kerajaan secara terus mendengar permasalahan penduduk di kawasan PBT. Apakah peranan JPP berbanding Majlis PBT.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) merupakan salah satu inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan bagi melaksanakan transformasi pengurusan bandar memandangkan pada masa ini lebih 70% penduduk negara ini tinggal di Bandar.

Objektif penubuhan JPP ini adalah supaya Kerajaan Persekutuan dapat membantu Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk berinteraksi secara langsung dengan penduduk dan membawa sebarang isu untuk ditangani bersama. Ini kerana terdapat isu-isu perbandaran yang terletak di bawah bidang kuasa dan kawalan agensi Kerajaan Persekutuan antaranya kesihatan, pengangkutan, keselamatan, perumahan dan alam sekitar. Secara tidak langsung penubuhan JPP dapat mengurangkan beban dan tanggungjawab PBT dalam aspek Kesejahteraan Bandar.

Seterusnya, penubuhan JPP akan memberi peluang dan menggalakkan penyertaan penduduk (*public participation*) dalam program-program dan pembangunan di kawasan bandar bagi meningkatkan kemampuan kejiranan (*neighbourhood sustainability*).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini ada menerima padangan daripada sesetangah pihak yang mendakwa JPP akan mengambil alih peranan Ahli Majlis. Walau bagaimanapun, ingin ditegaskan bahawa dakwaan tersebut adalah tidak berasas sama sekali.

Pelantikan anggota JPP dilaksanakan oleh KPKT setelah berunding dengan PBT dan Pemimpin Persekutuan Tempatan. Manakala, pelantikan Ahli Majlis adalah tertakluk di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]. JPP adalah bersifat pentadbiran yang bukan entiti undang-undang dan bukan juga agensi penguatkuasaan. Manakala, PBT merupakan sebuah pertubuhan perbadanan dan juga satu entiti undang-undang dan agensi penguatkuasaan.

Fungsi JPP juga hanyalah bertujuan membantu orang awam dalam sesuatu komuniti untuk bergiat aktif dalam proses kerajaan tempatan. Sehubungan dengan itu, status JPP adalah berbeza dengan status Ahli Majlis PBT.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2014

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA: Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP
[SEKIJANG]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-

- (a) apakah statistik jumlah pelajar antarabangsa mengikut universiti awam dan swasta pada masa kini; dan
- (b) berapakah jumlah pelajar antarabangsa yang tamat belajar berbanding tidak tamat sejak tahun 2000.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Statistik pelajar asing di Malaysia di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi tahun berakhir 2013 adalah seramai 28,837 orang. Manakala sehingga 1 Mei 2014 seramai 50,834 orang pelajar antarabangsa yang mengikuti pengajian di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).
- (b) Seramai 12,256 orang pelajar antarabangsa di IPTA dan PTS yang telah menamatkan pengajian dan bergraduat pada tahun 2013 manakala jumlah pelajar yang tidak tamat pengajian adalah seramai 2,413 orang.